

Syarikat hiasan dalaman guna perisian tiruan

Siti Rohaizah Zainal

25 September 2019 6:09 PM



ANGGOTA PKPDNHEP Selangor sedang memeriksa komputer bagi memeriksa penyalahgunaan perisian cetak rompak dalam satu serbuan di sebuah syarikat hiasan dalaman yang beroperasi di Pusat Perniagaan Bestari, Taman Perindustrian Air Hitam. - UTUSAN ONLINE

KLANG 25 Sept.- Tindakan sebuah syarikat hiasan dalaman yang menggunakan perisian cetak rompak dipercayai sejak tiga tahun lalu membawa padah apabila premis yang terletak di Pusat Perniagaan Bestari, Taman Perindustrian Air Hitam di sini diserbu pihak berkuasa semalam.

Serbuan kira-kira pukul 12 tengah hari itu dilakukan sepasukan anggota dan pegawai daripada Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (PKPDNHEP) negeri.

Pengarahnya, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, pihaknya melakukan serbuan berikutan menerima laporan daripada wakil hak cipta perisian yang mendakwa syarikat itu menggunakan perisian cetak rompak.

Menurutnya, hasil serbuan dan pemeriksaan pada 11 komputer di premis tersebut mendapati dua daripadanya mempunyai perisian salinan langgaran (perisian cetak rompak) bagi aplikasi AutoCad.

"Ketika serbuan dijalankan, terdapat beberapa orang pekerja di dalam premis tersebut. Tiada tangkapan dilakukan namun pihak kita telah merakam beberapa keterangan.

"Dalam pada itu, kita turut merampas dua set komputer yang mempunyai perisian cetak rompak yang jelas melanggar Akta Hak Cipta bernalai RM6,000 untuk tindakan lanjut," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tambah Muhamad Zikril Azan, kesemua rampasan itu kemudiannya di bawa ke Pejabat PKPDNHEP Selangor untuk tindakan lanjut dan kes disiasat mengikut Seksyen 41(1)(d) Akta Hak Cipta 1987.

Jika disabit bersalah, boleh dihukum denda tidak kurang RM2,000 dan tidak lebih daripada RM20,000 bagi setiap salinan langgaran atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali. - UTUSAN ONLINE

